

14 MAR 2000

UMNO:GHANI SERAH PADA MT UMNO UNTUK BINCANG DAKWAAN MUHYIDDIN

PETALING JAYA, 14 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno berhubung dakwaan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa beberapa bahagian Umno di Johor diarah pihak tertentu supaya tidak mencalonkannya bagi jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

"Saya tidak mahu buat sebarang komen. Kita serahkan apa yang telah disebut oleh Presiden (Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) semalam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis syarahan di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan meminta Muhyiddin mengemukakan bukti-bukti mengenai dakwaannya itu pada MT.

Ahad lepas, Muhyiddin yang juga Ketua Umno Bahagian Pagoh mendakwa terdapat 16 daripada 20 bahagian Umno di Johor diarah pihak tertentu supaya tidak mencalonkannya bagi jawatan naib presiden pada pemilihan parti.

Katanya bahagian-bahagian itu diarah hanya mencalonkan Abdul Ghani sebagai calon tunggal dari Johor untuk bertanding jawatan itu.

Selain Abdul Ghani dan Muhyiddin, seorang lagi calon dari Johor yang menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Syed Hamid ialah timbalan pengerusi perhubungan dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi.

-- BERNAMA

SLR NAK